

DATE: 13/ 4/ 2010

Pertemuan dua pemimpin penting

BH - 13/04/2010

DARI MUKA 1

Pertemuan Najib-Obama dianggap penting kerana Perdana Menteri adalah pemimpin tunggal mewakili negara Asean yang diberi peluang menemui Obama, selain sebagai sebuah negara Islam yang cintakan keamanan.

Antara negara kuasa nuklear yang menyertai pada sidang kemuncak dua hari itu ialah AS, Britain, Perancis,

China, Russia, India, Pakistan dan Israel. Negara yang dikaitkan dengan senjata nuklear tidak dijemput ialah Korea Utara, Iran, Syria dan Belarus.

Media tempatan menyifatkan Obama mengetuai satu perhimpunan besar pemimpin dunia dalam sejarah Washington pada sidang kemuncak pertama itu dengan memberi fokus eksklusif ancaman daripada senjata nuklear.

Sejak dipilih sebagai Presiden AS, Obama mengenal pasti keganasan senjata nuklear sebagai ancaman kepada dunia dan berusaha mendapatkan sokongan pemimpin dunia supaya mengawal bahan yang boleh dijadikan bom, iaitu uranium dan plutonium di makmal penyelidikan di seluruh dunia.

Dalam sidang kemuncak itu, beberapa perjanjian antarabangsa untuk mengawal

bahan nuklear dijangka dimeterai bersama, termasuk perjanjian mengenai usaha memastikan senjata nuklear tidak terlepas kepada penganas.

Terdahulu, Najib mengadakan pertemuan dengan Timbalan Setiausaha Negara, James Steinberg di Hotel Four Season, tempat penginapan Perdana Menteri. Pada tengah hari, Najib mengadakan perbincangan de-

ngan Naib Presiden AS, Joseph Biden di kediaman pemimpin itu.

Petang ini, Najib mengadakan pertemuan dua hala dengan Perdana Menteri New Zealand, John Key, sebelum menghadiri sidang kemuncak yang dirasmikan Obama. Semalam, Najib diraikan pada majlis makan malam oleh Setiausaha Negara, Hillary Clinton dan Setiausaha Tenaga, Steven Chu.